



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**15 Disember 2024
13 Jumadilakhir 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• 40 sangkar ikan dihanyutkan arus deras Sungai Pahang
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Pahang Media [Online]	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	31	15-12-2024

40 sangkar ikan dihanyutkan arus deras Sungai Pahang

TEMERLOH - Arus deras Sungai Pahang menyebabkan 40 daripada 50 sangkar ikan di Kampung Tanjung Batu di sini dihanyutkan kira-kira 10 kilometer pada Rabu.

Dalam kejadian kira-kira jam 4 petang itu, hampir 80,000 ikan pelbagai jenis, antaranya patin, lampam, baung, kerai dan kelah termasuk rumah rakit dihanyutkan menyebabkan kerugian dianggarkan kira-kira RM300,000.

Salah seorang pemilik sangkar, Mohd Safi Derahman, 34 berkata, kejadian itu pertama kali dihadapi mereka sejak mengusahakan sangkar tersebut pada tahun 2009.

Menurutnya, ketika kejadian, terdapat tiga individu di kawasan sangkar itu dan keadaan kelim kabut sebelum beberapa tali yang diikat terputus sebelum sangkar dihanyutkan.

"Kejadian berlaku sekelip mata, mengejutkan dan terpaksa biarkan sebelum mengejar sangkar yang



MOHD SAFI

hanyut.

"Ini kejadian kali pertama berlaku sangkar hanyut macam sebegini dan arus sungai memang deras ketika itu walaupun dalam keadaan cuaca baik," katanya ketika ditemui pada Jumaat.

Jelasnya, ikan-ikan yang terdapat dalam sangkar dihanyutkan itu kebanyakannya sudah matang dan sedia untuk dijual.

Ujar Mohd Safi, sangkar-sangkar itu kini berada di Kampung Lebak selepas berjaya diselamatkan oleh beberapa pengusaha lain di Kampung Pangsenam dan Kampung Lebak Seberang.

"Kami memang berterima kasih dan sangat menghargai bantuan yang diberikan mereka," katanya.

Buat masa ini, katanya, usaha mengalihkan ikan-ikan tersebut sedang giat dilakukan.

Tambahnya, semua sangkar-sangkar ikan akan dialihkan selepas air surut dan akan mengambil lebih banyak langkah keselamatan bagi mengelakkan kejadian berulang.

Keadaan sangkar ikan yang rosak akibat hanyut di Sungai Pahang pada Rabu.



Antara sangkar yang dihanyutkan dalam kejadian tersebut.



Kelihatan ikan yang sedia dituai mati selepas sangkar dihanyutkan arus deras Sungai Pahang.